

17 JAN 1996

Mahathir-Kepimpinan

PEMIMPIN PERLU MAMPU LAKUKAN PENGUBAHSUAIAN DAN PENGORBANAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata pemimpin masa depan perlu mempunyai wawasan dan sanggup membuat pengubahsuaian dan pengorbanan sewajarnya berdasarkan penelitian yang kritikal terhadap para pemimpin lepas jika mereka mahu menjadi pemimpin yang baik.

Perdana Menteri berkata para pemimpin sudah semestinya perlu memimpin dan jika mereka semata-mata mengikuti jejak langkah pemimpin lepas, mereka tidak boleh dipanggil pemimpin sejati.

Dr Mahathir berkata jika mereka mendapati kaedah masa lepas ada kekurangan, mereka sepatutnya sanggup untuk mengubah atau mengetepikannya dan memulakan strategi serta dasar mereka sendiri.

"Untuk memimpin, adalah jelas bahawa seseorang pemimpin perlu tahu ke mana arah pimpinannya. Seorang pemimpin yang tidak tahu destinasi, tidak boleh memimpin," katanya pada jamuan Kelab Harvard di sini.

Perdana Menteri berkata untuk menjadi pemimpin yang baik dan berkesan, mereka perlu mengkaji pemimpin-pemimpin lepas dan bentuk kepimpinan yang bertanggungjawab terhadap berlakunya kemerosotan sesetengah daripada mereka.

Antara pemimpin legenda yang dinamakannya ialah Iskandar Zulkarnain, Julius Caesar, Nabi Muhammad s.a.w, para Khalifah, Napoleon, Genghis Khan, Mehmet II, "Sulaiman the Magnificent" dan Akhbar Yang Agung.

Beliau memberi contoh Genghis Khan dengan berkata: "Ketua puak pengembala lembu dan kambing yang hidup berpindah randah ini telah berlawan, memujuk dan menyatukan puak-puak kecil Mongol menjadi satu bala tentera dan menjadi sebuah negara."

Dr Mahathir berkata seseorang pemimpin yang popular kerana beliau bersikap lembut dan bertolak ansur tidak akan mencapai banyak kejayaan.

Terdapat keperluan yang jelas bagi seseorang pemimpin untuk menunjukkan sikap rendah hati dan bersifat tegas.

"Ini bukan mudah...tetapi sebaliknya jika ia mudah, semua orang boleh menjadi pemimpin," katanya.

Perdana Menteri berkata seorang pemimpin perlu menjadi pengamal perkara-perkara yang murni tetapi jika beliau tidak bersifat tegas dan tidak bersedia mempertahankan tindakannya, beliau tetap akan gagal.

Beliau berkata seorang pemimpin juga perlu mempunyai wawasan, keupayaan untuk melihat lebih jauh daripada orang lain untuk menentukan objektif dan matlamat baru, untuk menilai kemampuan para pengikutnya, untuk menggalak dan merangsang serta membimbing mereka bagi mencapai kejayaan yang lebih besar.

"Keunggulan kepimpinan adalah banyak. Tiada pemimpin yang boleh memilikinya semua. Tetapi adalah mencukupi jika kualiti-kualiti itu ditemui atau diamal oleh seseorang pemimpin," katanya.

Dr Mahathir berkata pemimpin yang menyalahgunakan kuasanya tidak memikirkan kebaikan masa depannya tetapi keuntungan cepat daripada rasuah.

"Sudah tentu mereka yang membenarkan dirinya mengambil rasuah walaupun sebelum menjadi pemimpin tidak akan berpeluang langsung menjadi pemimpin," katanya.

Perdana Menteri berkata seseorang itu tidak boleh dijangkakan menjadi pemimpin jika dia melakukan semua perkara yang dikutuk oleh masyarakat.

"Tetapi hakikatnya ialah kebanyakan mereka yang berharap menjadi pemimpin atau pemimpin yang ada secara sengaja melakukan perkara yang

mereka tahu masyarakat akan menerimanya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sebagai manusia biasa, seseorang akan mengutuk kesombongan atau ketidakjujuran atau sikap pentingkan diri tetapi sebaik dia menjadi pemimpin, dia akan menonjolkan ciri-ciri yang sama.

Perdana Menteri berkata sama ada sesebuah negara berjaya atau gagal atau kekal sederhana bergantung penuh kepada kualiti kepimpinan yang diwarisi negara.

Keunggulan kepimpinan ditentukan menerusi pembentukan masyarakat, kepercayaan agama dan kebudayaannya.

Keunggulan di Malaysia ditunjukkan dengan lebih kompleks kerana masyarakatnya daripada pelbagai etnik, agama dan budaya, katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia sangat bertolak ansur dan oleh itu mereka akan memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh pemimpin daripada kumpulan etnik lain "tetapi mereka mungkin tidak dapat memaafkan jika pemimpin dari kumpulan kaum dan budaya mereka melakukan kesalahan yang sama."

Perdana Menteri berkata walaupun pemimpin-pemimpin tidak kekal, kepimpinan yang memberansangkan akan meninggalkan kesan terhadap para pengikutnya bagi memastikan kualiti yang baik itu akan terus kekal bersama-sama mereka walaupun selepas pemimpin itu tiada lagi. -- BERNAMA